



MALAYSIA

Warta Kerajaan
SERI PADUKA BAGINDA
DITERBITKAN DENGAN KUASA

HIS MAJESTY'S GOVERNMENT GAZETTE
PUBLISHED BY AUTHORITY

Jil. 29
No. 21

10hb Oktober 1985

TAMBAHAN No. 60
PERUNDANGAN (A)

P.U. (A) 452.

AKTA TUGAS-TUGAS MENTERI 1969

PERINTAH MENTERI-MENTERI KERAJAAN PERSEKUTUAN (No. 2)
(PINDAAN) (No. 2) 1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 2 Akta *Akta 2.*
Tugas-Tugas Menteri 1969, Yang di-Pertuan Agong membuat
perintah yang berikut:

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Menteri-Menteri**
Kerajaan Persekutuan (No. 2) (Pindaan) (No. 2) 1985 dan hendak-
lah, tertakluk kepada subperenggan (2), disifatkan telah mula
berkuatkuasa pada 26hb Mac 1985. *Nama dan
mula ber-
kuatkuasa.*

(2) Perenggan 2 (c) (i) hendaklah disifatkan telah mula berkuat-
kuasa pada 21hb Mac 1985.

2. Jadual kepada Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan
(No. 2) 1983 adalah dipinda— *Pindaan
bagi Jadual.
P.U. (A)
520/83.*

(a) berkenaan dengan Jabatan Perdana Menteri, dengan
memasukkan dalam ruang pertama di bawah perkataan-
perkataan "Senator Dr Mohamad Yusof bin Haji Mohamed
Nor" perkataan-perkataan "Dato' Lee Kim Sai" berseten-
tangan dengan perkataan-perkataan "Timbalan Menteri di
Jabatan Perdana Menteri" di mana perkataan-perkataan
yang terkemudian itu akhir sekali terdapat, dalam ruang
kedua;

(b) berkenaan dengan Kementerian Pelajaran, dengan meng-
gantian dalam ruang pertama perkataan-perkataan
"Datin Paduka Chow Poh Kheng *alias* Rosemary Chong"
bersetentangan dengan perkataan-perkataan "Timbalan
Menteri Pelajaran" dalam ruang kedua dengan perkataan-
perkataan "Dato' Dr Ling Liong Sik";

PRINTING PRESSES AND PUBLICATIONS ACT 1984

PRINTING PRESSES AND PUBLICATIONS (CONTROL OF UNDESIRABLE PUBLICATIONS) (No. 11) ORDER 1985

- Act 301.* IN exercise of the powers conferred by section 7 of the Printing Presses and Publications Act 1984, the Minister makes the following order:
- Citation.* 1. This Order may be cited as the **Printing Presses and Publications (Control of Undesirable Publications) (No. 11) Order 1985.**
- Prohibition.* 2. The printing, production, reproduction, publishing, sale, issue, circulation, distribution or possession of the publications which is described in the Schedule and which is prejudicial to public order is prohibited throughout Malaysia.

SCHEDULE

<i>Title of publication</i>	<i>Publisher</i>	<i>Printer</i>	<i>Language</i>
Spirit World Speaks—Where Is His Majesty The King The Sixth Ruler of Malaysia?	Clara Christina Matthews Amanuensis, Spirit World, Lundu, Sarawak	The World Press Co. Sdn. Bhd., Lot 81, Section 63, Jalan Padungan, Kuching, Sarawak	English

Made the 15th September 1985.

[KDN. Y. 59/4/1B. Kulit 3; PN. (PU²) 417.]

On behalf and in the name of the Minister of Home Affairs,

RADZI BIN SHEIKH AHMAD,
Deputy Minister of Home Affairs

P.U. (A) 455.

AKTA PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG-ORANG YANG TAK DIINGINI 1969

PERINTAH PENDAFTARAN PENJENAYAH DAN ORANG-ORANG YANG TAK DIINGINI (PINDAAN) 1985

- Akta 7.* PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 15 (1) Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tak Diingini 1969, Menteri membuat perintah yang berikut:
- Nama.* 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tak Diingini (Pindaan) 1985.**
- Pindaan Jadual Pertama.* 2. (1) Bahagian IV Jadual Pertama (Sabah dan Sarawak) dan Bahagian VI Jadual Pertama (Negeri-Negeri Tanah Melayu) kepada Akta Pendaftaran Penjenayah dan Orang-Orang Yang Tak Diingini 1969 (kemudian daripada ini disebut "Akta") adalah dipinda dengan menambah di tempat yang sesuai, butiran-butiran yang berikut kepada senarai butiran-butiran:

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
"Akta 283 ...	Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983	Kesemuanya
Akta 234 ...	Akta Dadah Berbahaya 1952	Kesemuanya."

(2) Bahagian II Jadual Pertama (Sarawak) kepada Akta adalah dipinda dengan memotong butiran yang berikut:

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
"Bab 119 ... 1953	Ordinan Dadah Berbahaya	4, 5, 6, 9, 12, 13, 14, 17, 19, 20, 21, 22, 23 dan 24".

3. (1) Bahagian II Jadual Kedua (Sarawak) kepada Akta adalah dipinda dengan memotong butiran yang berikut: Pindaan
Jadual Kedua.

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
"Bab 119 ... 1953	Ordinan Dadah Berbahaya	10 dan 15".

(2) Bahagian II Jadual Kedua (Negeri-Negeri Tanah Melayu) kepada Akta adalah dipinda dengan memotong butiran yang berikut:

No.	Tajuk Ringkas	Seksyen
"P.T.M. 30 tahun 1952	Ordinan Dadah Berbahaya	Kesemuanya".

Diperbuat pada 25hb September 1985.
[KDN. S. 9/192 Jld. 5; PN. (PU²) 15.]

DATO' MUSA HITAM,
Menteri Dalam Negeri

REGISTRATION OF CRIMINALS AND UNDESIRABLE PERSONS ACT 1969

REGISTRATION OF CRIMINALS AND UNDESIRABLE PERSONS (AMENDMENT) ORDER 1985

IN exercise of the powers conferred by section 15 (1) of the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969, the Act 7.
Minister makes the following order:

1. This Order may be cited as the **Registration of Criminals and Undesirable Persons (Amendment) Order 1985.** Citation.

2. (1) Part IV of the First Schedule (Sabah and Sarawak) and Part VI of the First Schedule (States of Malaya) to the Registration of Criminals and Undesirable Persons Act 1969 (hereinafter referred to as "the Act") is amended by adding at the appropriate place, the following items to the list of items: Amendment
of First
Schedule.

No.	Short Title	Section
"Act 283 ... Act 234 ...	Drug Dependants (Treatment and Rehabilitation) Act 1983 Dangerous Drugs Act 1952 ...	The Whole The Whole."

(2) Part II of the First Schedule (Sarawak) to the Act is amended by deleting the following item:

No.	Short Title	Section
"Cap. 119 ... 1953	Dangerous Drugs Ordinance	4, 5, 6, 9, 12, 13, 14, 17, 19, 20, 21, 22, 23 and 24".

Amendment
of Second
Schedule.

3. (1) Part II of the Second Schedule (Sarawak) to the Act is amended by deleting the following item:

No.	Short Title	Section
"Cap. 119 ... 1953	Dangerous Drugs Ordinance	10 and 15"

(2) Part II of the Second Schedule (States of Malaya) to the Act is amended by deleting the following items:

No.	Short Title	Section
"F.M. 30 of 1952	Dangerous Drugs Ordinance 1952	The Whole".

Made the 25th September 1985.
[KDN. S. 9/192 Jld. 5; PN. (PU²) 15.]

DATO' MUSA HITAM,
Minister of Home Affairs

P.U. (A) 456.

AKTA, KERJA 1955

PERINTAH KERJA (PENGECUALIAN) (NO. 6) 1985

Akta 265. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 2B Akta Kerja 1955, Menteri membuat perintah berikut:

Nama dan mula berkuatkuasa. 1. Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kerja (Pengecualian) (No. 6) 1985** dan hendaklah disifatkan telah mula berkuatkuasa pada 1hb Oktober 1984.

Pengecualian dan pemakaian. 2. Kilang-kilang penggiling getah yang disebut dalam ruang (1) Jadual kepada Perintah ini adalah dikecualikan daripada peruntukan-peruntukan seksyen 60A (1) (c) dan proviso kepada seksyen 60A (3) (b) Akta Kerja 1955 untuk tempoh 1hb Oktober 1984 hingga 30hb September 1986 berkaitan dengan penggiling-penggiling dan pembungkus-pembungkus getah yang dinyatakan dalam ruang (2) dan yang digajikan oleh mereka di bawah suatu kontrak perkhidmatan.

JADUAL

(1) <i>Nama Kilang Getah</i>	(2) <i>Bilangan Pekerja diberi Pengecualian</i>
Lee Rubber Co. (Pte) Ltd., 49 Leboh Bridge, Pulau Pinang	Penggiling-penggiling ... 87 Pembungkus-pembungkus 49
Lee Rubber (Selangor) Sdn. Bhd., 145 Jalan Bandar, Kuala Lumpur	Penggiling-penggiling ... 30 Pembungkus-pembungkus 20
Lee Rubber Co. (Pte) Ltd., 880 & 1301 Kubang Ulu, Penanti, Bukit Mertajam	Penggiling-penggiling ... 34